

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 13/09/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 24

Tajuk : Perluaskan kenderaan elektrik di seluruh negara

## Perluaskan kenderaan elektrik di seluruh negara

**KUALA LUMPUR 12 Sept.** - Kenderaan yang menggunakan tenaga elektrik perlu diperluaskan lagi di negara ini seiring dengan perkembangan teknologi terkini dan sebagai usaha untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kenderaan elektrik berpotensi untuk membantu masyarakat bergerak ke mana-mana destinasi dengan lebih efisien tanpa perlu bergantung

kepada kenderaan yang menggunakan minyak petrol ataupun diesel semata-mata.

Kerana itu kata Abdul Fattah, pihaknya telah menjalinkan perjanjian persefahaman bersama Treeletrik Sdn. Bhd. iaitu syarikat perintis kepada penghasilan kenderaan elektrik buatan tempatan.

“Perjanjian tersebut adalah sebagai usaha untuk mempromosikan penggunaan kenderaan elektrik di negara ini, malah perbincangan turut diadakan bersama pihak koperasi supaya mengutamakan penggu-

naan kenderaan elektrik,” katanya .

Beliau berkata demikian selepas menghadiri program kibar bendera Jalur Gemilang Patriotik anjuran Angkasa dengan kerjasama Treeletrik di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Treeletrik, Datuk Steven Thor berkata, selain menghasilkan kenderaan elektrik, syarikatnya juga sedang merancang untuk mengeluarkan pelbagai jenis kenderaan pengangkutan awam elektrik seperti bas dan teksi.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA